



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 8 TAHUN 2021**

**PERATURAN TADBIR URUS MASJID SAYYIDINA
ABU BAKAR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA (UTeM)**

Pejabat Bendahari

22 April 2021

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 (8)

22 April 2021

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 8/2021

PERATURAN TADBIR URUS MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Peraturan Tadbir Urus Masjid Sayyidina Abu Bakar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan Tadbir Urus Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM disediakan sebagai dokumen rujukan kepada pengurusan kewangan dan tadbir urus Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM dalam menguruskan aktiviti pengimarahannya.
- 2.2 Dengan merujuk sepenuhnya Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) dan Garis Panduan Kewangan Masjid Kariah di Negeri Melaka, peraturan ini merupakan peraturan khusus bagi pengurusan tadbir urus Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM.
- 2.3 Peraturan Tadbir Urus Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM ini menjelaskan punca kuasa tadbir urus Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM di samping mengukuhkan peranan tadbir urus masjid berdasarkan peraturan yang diperlukan dalam pentadbiran Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM. Peraturan ini juga dirangka bagi merealisasikan pengurusan yang efisien dalam menguruskan manfaat sumbangan masyarakat awam kepada Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM.
- 2.4 Peraturan ini telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 5/2020 pada 27 November 2020 dan telah diluluskan dalam

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2020 pada 16 Disember 2020.

3.0 PEMAKAIAN DI BAWAH PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU)

3.1 Di bawah Bahagian Pengurusan Wang Universiti (PW) adalah seperti berikut :

3.1.1 **BAB K : PERATURAN TADBIR URUS MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**
- Lampiran 1 PERATURAN TADBIR URUS MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

3.1.2 **Tarikh kuat kuasa :**
16 Disember 2020

3.1.3 **Capaian :**
<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/5-0-bahagian-pengurusan-wang-universiti-pw/bab-k-peraturan-tadbir-urus-masjid-sayyidina-abu-bakar-universiti-teknikal-malaysia-melaka-utem>

Sekian, harap maklum.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

RA/UGP/SPK Pindaan PKPU10